

07/02/1998

Anggap satu pengorbanan

Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Jumaat - Nasihat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya tidak ada perebutan jawatan ketua bahagian Umno dalam pemilihan Mac ini perlu dilihat sebagai satu pengorbanan demi perjuangan parti, kata Setiausaha Agungnya, Datuk Sabbaruddin Chik.

"Pandangan presiden bertujuan memantapkan parti dan tidak boleh dipandang ringan," katanya merujuk kepada sesetengah bahagian Umno di Kelantan yang masih bertekad meneruskan pertandingan merebut jawatan berkenaan.

Bercakap ketika menjadi tetamu rancangan Malaysia Hari Ini (MHI), TV3, di Sri Pentas, di sini hari ini, beliau berkata anggota Umno masih boleh berjuang melalui banyak jawatan lain di peringkat bahagian, selain ketua bahagian.

"Pertandingan apa juga jawatan dalam parti dari segi undang-undang Umno tiada larangan. Bagaimanapun, pengorbanan perlu dilakukan demi kepentingan Umno. Yang penting bukan perjuangan persendirian, tapi perjuangan Umno," katanya.

Mengulas lanjut nasihat Perdana Menteri itu, Sabbaruddin berkata oleh kerana ia diberi dalam bentuk nasihat untuk membawa kebaikan, maka jika tidak diikuti tiada sebarang tindakan diambil.

"Nasihat untuk kebaikan jika tidak ikut, kita tidak ambil tindakan kerana ia berbentuk nasihat. Sebaliknya, jika arahan, kita mesti berupaya mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggarnya atau memberi hadiah kepada yang melaksanakan arahan itu.

"Misalnya, saya nasihatkan anak saya supaya belajar. Kalau lulus, saya bahagi sekian (hadiah). Kalau tak lulus, saya mampu beri penjelasan saja. Kalau saya nasihat ia hanya nasihat saja.

"Bezanya ialah siapa yang memberi nasihat. Nak dengar kalau ayah dan ibu nasihat? Kalau tak dengar, nak dengar siapa.

"Dr Mahathir adalah Presiden Umno, di Kelantan dia adalah Ketua Perhubungan Negeri, kalau tidak ikut nasihat dia sebagai kapasiti ketua perhubungan negeri, ikut nasihat dia sebagai Presiden," katanya.

Diminta mengulas pengorbanan Ketua Bahagian Umno Gua Musang, Mohd Saufi Deraman yang memberi laluan kepada Tengku Razaleigh Hamzah menerajui Umno bahagian itu, Sabbaruddin berkata, tindakan itu bagus.

"Dalam bahagian ada banyak jawatan termasuk ketua, naib ketua, ketua penerangan, setiausaha, bendahari dan banyak lagi jawatan lain. Kalau nak rebut rebutlah," katanya.

Mengenai kempen dan politik wang, beliau berkata selepas Jawatankuasa Pengurusan mengeluarkan arahan ketat dan tegas, kes seperti itu amat berkurangan.

"Kita menerima banyak laporan. Bagaimanapun, mengikut laporan akhir Jawatankuasa Teknikal tiada bukti kukuh. Setiap laporan diteliti dan diperinci supaya tiada pihak yang teraniaya," katanya.

(END)